

Cuepacs mahu JPA kemuka kajian kadar baru elaun

BH 20 JUN 2001

KOTA BHARU, Selasa - Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) mahu Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) mengemukakan hasil kajian mengenai kadar baru bayaran elaun untuk 600,000 kakitangan awam dalam kumpulan sokongan.

Ini berikutan Cuepacs mendapati bayaran elaun yang ditetapkan kerajaan ketika ini sudah tidak sesuai dan tidak seimbang dengan kos sara hidup semasa.

Sehubungan itu, Cuepacs akan membangkitkan perkara itu pada mesyuarat Majlis Bersama Kebangsaan (MBK) bersama JPA, di Port Dickson, Negeri Sembilan, pada 5 dan 6 Julai depan untuk mengetahui perkembangan lanjut.

Setiasaha Agungnya, Abdul Rahman Manan berkata, Cuepacs meminta JPA membuat kajian kadar elaun kakitangan kumpulan sokongan pada 1997 lalu antaranya membabitkan bayaran hotel, elaun kerja lebih masa dan perbatuan.

Katanya, setahun kemudian JPA dikatakan selesai menamatkan kajiannya tetapi ditangguh sementara pengumuman berikutan negara mengalami ke-

rawatan ekonomi ketika itu.

"Sekarang pertumbuhan ekonomi (negara) beransur pulih dan kita (Cuepacs) harap perkara ini mendapat keputusan positif untuk kepentingan seluruh kakitangan awam kumpulan sokongan," katanya.

Beliau memberitahu pemberita selepas taklimat skim Insurans Berkumpulan Khas Cuepacs Living Care dengan kerjasama Great Eastern Life Assurance (Malaysia) untuk kakitangan kerajaan peringkat negeri Kelantan, di Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPP) Kelantan, di sini, hari ini.

Difahamkan, ketika ini bayaran seperti hotel bagi kakitangan awam kumpulan B ialah maksimum RM70 sehari berbanding kumpulan A minimum RM125; sedangkan mereka layak mewakili pengarah jabatan seperti mengahdiri sesuatu mesyuarat.

Manakala kakitangan awam kumpulan C dan D, bayaran hotel masing-masing minimum RM65 dan RM45 sehari.

Mengenai cadangan pembayaran bonus kakitangan awam dibuat secara kontrak-tual, Abdul Rahman berkata, Cuepacs belum mengemukakan cadangan itu kepada kerajaan.

Katanya, pihaknya merancang mengemukakan cadangan itu kepada Menteri Kewangan ketika itu (Tun Daim Zainuddin) tetapi ditangguhkan berikutan beliau meletak jawatan.

Qagaimanapun, katanya, permohonan itu tetap akan dikemuka kepada kerajaan berikutan mesyuarat Cuepacs pada 25 Mac lalu, bersetuju meminta kerajaan membuat pembayaran bonus secara kontraktual.

"Kita mungkin tunggu dalam tempoh sebulan ini (menyerahkan permohonan) sama ada kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad atau Menteri Kewangan baru," katanya.

Abdul Rahman berkata, kerajaan perlu sedar dalam perkhidmatan awam bukan semua mendatangkan keuntungan dari segi kewangan, tetapi lebih kepada perkhidmatan terbaik.

Justeru, katanya, kerajaan perlu membuat pertimbangan wajar termasuk membayar bonus secara kontraktual kerana berdasarkan laporan prestasi dalam Skim Saraan Baru (SSB) setakat ini, 95 peratus kakitangan awam menunjukkan prestasi yang baik.